

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Thursday, 14 May, 2020 5:33 PM
To: norazlinaabdjilil@gmail.com
Subject: Fw: UUM Terima Kunjungan Hormat Pejabat Konsulat Jeneral Republik China

Daripada: UUM CORPORATE COMM.

Dihantar: 30 April 2020 9:51

Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students

Subjek: UUM Terima Kunjungan Hormat Pejabat Konsulat Jeneral Republik China



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

30 APRIL 2020 / 7 RAMADAN 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nur Shafiqah Rozizan (Pelajar Pelatih dari SMMTC)

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PEJABAT KONSULAT JENERAL REPUBLIK CHINA



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima kunjungan hormat dari Pejabat Konsulat Jeneral Republik China di Pulau Pinang, semalam.

Kunjungan yang diketuai Konsul Jeneral Republik China di Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Lu Shiwei bersama Konsul, Li Ji telah disambut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim di Foyer Canselori.

Seterusnya, telah diadakan perbincangan ringkas di Bilik Mesyuarat Jabatan Hal Ehwal Akademik mengenai perkembangan UUM serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang dikuatkuasakan.

Kunjungan Pejabat Konsul Jeneral Republik China itu juga adalah bagi mengikuti perkembangan pelajar antarabangsa dari China yang belajar di UUM dan bertemu dengan lima pelajar tersebut.

Pada pertemuan itu, Tuan Yang Terutama Lu Shiwei mengucapkan terima kasih kepada pengurusan UUM kerana telah menjaga kebajikan pelajar mereka dengan baik.

Beliau juga gembira apabila melihat pelajar mereka berada dalam keadaan sihat dan ceria sepanjang berada di UUM dan mengingatkan mereka agar patuh dengan arahan PKP yang dilaksanakan di negara ini.

Pada kesempatan itu juga, Pejabat Konsulat Jeneral Republik China turut menyumbang 1,000 penutup muka dan hidung (*mask*), cecair basmi kuman (*hand sanitizer*) dan pakaian perlindungan diri kepada UUM.

Selain itu, mereka turut menyerahkan ubat-ubatan tradisional dari China kepada pelajar dari China yang masih berada di dalam kampus.

Prof. Dr. Yusnidah turut mengucapkan terima kasih di atas sumbangan yang diberikan Pejabat Konsular Jeneral Republik China itu.

Pada pertemuan itu juga, Pengarah Pusat Kesihatan Universiti, Dr. Adi Azhar Abdul Razak dan Pengarah Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSD), Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Rajwani Md Zain telah membuat pembentangan statistik pelajar China di UUM termasuk perkhidmatan dan sokongan yang terdapat di UUM.

Hadir sama, Pengarah Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC), Prof. Madya Dr. Badariah Hj Din; Timbalan Pengarah CIAC, Dr. Nur Khairiel Anuar dan Pengarah UUM Corporate Communication, Rasidah Rodzi serta pegawai kanan CIAC.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.